

24/09/1997

Malaysia cuba atasi kejatuhan ringgit

Kadir Dikoh; Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia akan berusaha sedaya upaya untuk menguruskan ringgit yang susut nilai lebih 20 peratus berbanding dolar Amerika sejak serangan spekulatif terhadap mata wang rantau ini lebih dua bulan lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara akan terpaksa meningkatkan eksport yang semakin kompetitif sekarang berikutan nilai ringgit susut, manakala bil import negara dijangka naik.

"Sekarang kita mempunyai ringgit yang sangat murah dan sudah tentu wujud masalah... tetapi kita akan menguruskannya. Masalahnya ialah kos import kita akan bertambah dan kita akan menampungnya dengan eksport," katanya selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian antara dua anak syarikat Kumpulan DRB-Hicom-Proton dan USPD dengan Automobiles Citroen dari Perancis bagi memasang, mengeluarkan dan mengedar kereta model baru Proton, petang ini.

Ditanya mengenai ringgit yang parasnya sudah melebihi 3.000 berbanding dolar Amerika, Dr Mahathir berkata, beliau 'gembira' dengan kedudukan ringgit lebih murah sekarang kerana ia akan menyebabkan sektor eksport lebih kompetitif.

Pada jam 5 petang ini, ringgit mengukuh dan diniagakan pada 3.0680/30 berbanding dolar Amerika.

Semalam, ia ditutup pada paras 3.0950/10. Ringgit meningkat kepada 2.0171/17 dari 2.0271/17 berbanding dolar Singapura dan menjadi kukuh kepada 2.5168/30 dari 2.5199/50 berbanding yen Jepun.

Ringgit juga meningkat berbanding paun sterling kepada 4.9332/43 daripada 4.9659/55 dan kukuh kepada 1.7113/45 daripada 1.7316/48 berbanding deutschemark.

Seorang penganalisis berkata, kegiatan menjual ringgit berkurangan hari ini berbanding semalam. Namun, peniaga masih mengawasi keadaan yang berlaku di sekitar rantau ini seperti krisis ekonomi Thailand.

Pakar ekonomi tempatan pula berpendapat, cadangan penubuhan dana serantau oleh Asean yang mendapat sambutan dingin kuasa Barat, pada mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa-Bank Dunia (IMF-Bank Dunia) di Hong Kong sekarang, dijangka dapat menggerakkan sentimen positif di pasaran kewangan di rantau ini.

(END)